

07/07/1999

Permohonan batal saman malu 2 Ogos

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 2 Ogos depan bagi mendengar permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membatalkan saman malu RM100 juta oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadapnya.

Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam yang menetapkan tarikh itu berkata, beliau akan mendengar sendiri permohonan itu.

Pada 2 Julai lalu, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Norliza Othman menggugurkan dirinya daripada mendengar permohonan Dr Mahathir itu disebabkan beliau pernah merekodkan pengakuan bersumpah Dr Munawar Ahmad Anees.

Sehubungan itu, kes berkenaan diserahkan semula kepada Kamalanathan dan ditetapkan untuk sebutan pada hari ini.

Peguam Cecil Abraham, Datuk Mohd Adnan Shuaib dan N Chandran mewakili pihak defendan, manakala Anwar diwakili peguam Karpal Singh, Jagdeep Singh Deo dan Gobind Singh Deo.

Dr Mahathir membuat permohonan untuk membatalkan saman malu Anwar itu mengikut Aturan 18 Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Anwar, 51, memfailkan saman malu terhadap Dr Mahathir pada 25 Januari lalu, mendakwa Perdana Menteri memfitnahnya secara lisan dalam sidang akhbar yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 22 September tahun lalu.

(END)